

## BAB I: PENDAHULUAN

### Latar Belakang

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (922) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) ini telah dilancarkan untuk menjadi kertas bertaraf Prinsipal pada tahun 1991. Ia telah diluluskan dalam mesyuarat Majlis yang ke-51 pada 23 Februari 1991 dan telah mendapat perkenan Menteri Pendidikan Malaysia pada tahun yang sama. Tahun 1992 merupakan tahun pertama peperiksaan bagi sukanan ini.

### Matlamat Sukatan

Sukatan pelajaran ini bertujuan untuk mempertingkat pengetahuan pelajar tentang Kesusasteraan Melayu melalui penelitian karya-karya sastera lama dan baru, dan membimbing pelajar ke arah menikmati dan menghayati karya-karya sastera terpilih agar pelajar terus meminati kesusasteraan dan perkembangannya sebagai suatu cerminan pemikiran dan penyataan tamadun bangsa.

### Objektif Sukatan

Objektif sukatan pelajaran ini ialah untuk membolehkan pelajar:

- (a) mengkaji karya-karya sastera sebagai hasil kreatif;
- (b) menyelidik persekitaran sosial dan latar sejarah penghasilan karya-karya sastera;
- (c) menganalisis karya-karya sastera secara kritis;

- (d) membentuk kemahiran menilai sesebuah karya sastera dalam perspektif sosial dan perspektif sejarah zamannya;
- (e) membuat rumusan yang sewajarnya terhadap karya-karya sastera;
- (f) menjawai nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan yang tercermin dalam karya-karya sastera;
- (g) menikmati karya-karya sastera daripada berbagai-bagai genre; dan
- (h) menulis esei yang tersusun dan menyakinkan tentang sastera.

### **Format Kertas**

Mata pelajaran Kesusastraan Melayu (922) STPM ini menawarkan 6 kertas pilihan dengan Kertas 1 adalah wajib. 6 kertas tersebut ialah

- (a) *Kertas 1: Karya Agung (wajib)*
- (b) *Kertas 2: Sastera Lama I*
- (c) *Kertas 3: Sastera Lama II*
- (d) *Kertas 4: Puisi Baru*
- (e) *Kertas 5: Prosa Baru*
- (f) *Kertas 6: Drama*

### **Kandungan**

Calon dikehendaki mengkaji teks-teks yang diwajibkan berdasarkan tujuan dan objektif mata pelajaran ini. (Lihat **Lampiran A** berkenaan dengan buku-buku kajian yang telah ditetapkan oleh MPM).

## Kertas 1 – Karya Agung

Karya Agung diwakili oleh teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Calon dikehendaki mengkaji kedua-dua teks ini dari segi:

- (a) sifat-sifat sastera
- (b) sifat-sifat sejarah
- (c) watak dan perwatakan
- (d) unsur-unsur seperti humor, pathos (kepiluan), dan pengembaraan
- (e) latar dan zamannya
- (f) gaya bahasa
- (g) teknik penceritaan:
  - penggunaan dialog, pemerian, dan kiasan
  - penggunaan unsur lisan, unsur dramatik, dan unsur didaktik
- (h) nilai-nilai utama kemanusiaan: individu, masyarakat, dan sejagat
- (i) ketatanegaraan seperti konsep negeri beraja, konsep-konsep kepimpinan, dan keperwiraan
- (j) unsur-unsur mitos dan agama

Calon dikehendaki mengkaji kedua-dua teks ini:

- (a) Shellabear, W.G.(peny.), (1977). *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- (b) Kassim Ahmad(peny.), (1975). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Kertas 2 – Sastera Lama I

Sastera Lama I meliputi kajian tentang:

(i) *Sastera Rakyat*

Kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) sifat penglipur lara dan kelisanan dalam gaya dan struktur penceritaan
- (b) watak unggul
- (c) perwatakan
- (d) latar: susun lapis dan pandangan dunianya
- (e) gambaran realiti dan kepercayaan sezaman
- (f) pemerian kecantikan, kebesaran, kehebatan, dan sebagainya
- (g) peranan dan penggunaan puisi dalam penceritaan

(ii) *Sastera Panji atau Epik Awal*

Jika teks Sastera Panji dipilih, kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) acuan asal cerita panji
- (b) gaya penceritaan
- (c) konsep cinta
- (d) konsep keperwiraan
- (e) kewanitaan unggul
- (f) gambaran kebudayaan dan adat, latar masyarakat, dan kepercayaan

Jika teks Epik Awal dipilih, kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) konsep epik
- (b) gaya penceritaan
- (c) konsep cinta
- (d) konsep keperwiraan
- (e) konsep kewanitaan
- (f) gambaran kebudayaan dan adat, latar masyarakat, dan kepercayaan

(iii) *Puisi Lama*

Kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) bentuk:
  - (i) ciri-ciri
  - (ii) rangkapan, matra, dan rima
  - (iii) harmoni dan kesatuan
- (b) aspek-aspek tema, nasihat, dan perasaan
- (c) gaya puitis:
  - (i) kepadatan ekspresi/kepaduan
  - (ii) citra (imej): metafora, kiasan, perbandingan (*simile*)
- (d) peranan puisi dalam masyarakat
- (e) penilaian puisi – diksi, keindahan, unsur kreatifan, dan imaginasi

Calon dikehendaki mengkaji keempat-empat teks ini:

- (a) Pawang Ana dan Raja Haji Yahya, (1987). *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- (b) *Hikayat Panji Semerang*, (1973). Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- (c) Zainal Abidin Bakar, (1983). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (d) Mohd. Yusof Md. Nor dan Abd. Rahman Kaeh, (1985). *Puisi Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

### **Kertas 3 – Sastera Lama II**

Sastera Lama II meliputi kajian tentang:

(i) *Sastera Sejarah*

Kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) konsep persejarahan Melayu: kebenaran subjektif
- (b) sifat-sifat sastera dalam sastera sejarah:
- watak
  - gaya penceritaan
  - unsur subjektif
- (c) pentafsiran peristiwa dan tokoh
- (d) latar zaman dan masyarakatnya:
- hukum-hakam
  - adat istiadat
  - pemikiran

- sistem pemerintahan
- (e) gaya bahasa
- (f) nilai sosial yang utama

(ii) *Sastera Agama*

- (a) sifat-sifat sastera dalam sastera agama
- (b) pengolahan tema atau aspek agama
- (c) keistimewaan tokoh
- (d) latar belakang tradisi sastera agama
- (e) falsafah: etika, kepercayaan
- (f) unsur-unsur pengukuhan pegangan agama
- (g) pewarnaan setempat terhadap unsur-unsur asing

(iii) *Syair Sejarah atau Syair Agama*

Jika Syair Sejarah dipilih, kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) konsep persejarahan Melayu: kebenaran subjektif
- (b) sifat-sifat sastera dalam syair sejarah:
  - watak
  - gaya penceritaan
  - unsur subjektif
- (c) pentafsiran peristiwa dan tokoh
- (d) latar zaman dan masyarakatnya:
  - hukum-hakam
  - adat istiadat

- pemikiran
  - sistem pemerintahan
- (e) gaya bahasa
- (f) nilai sosial yang utama

Jika Syair Agama dipilih, kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) sifat-sifat sastera dalam syair agama
- (b) pengolahan tema atau aspek agama
- (c) keistimewaan tokoh
- (d) latar belakang tradisi syair agama
- (e) falsafah: etika, kepercayaan
- (f) unsur-unsur pengukuhan pegangan agama
- (g) pewarnaan setempat terhadap unsur-unsur asing

Calon dikehendaki mengkaji ketiga-tiga teks ini:

- (a) Siti Hawa Salleh, (1970). *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- (b) Bukhari Al-Jauhari, (1966). *Tajus-Salatin* diselenggarakan oleh Khalid Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (c) Abdul Mutalib Abd. Ghani, (1983). *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Kertas 4 – Puisi Baru

Kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) kritikan amali
- (b) latar belakang penyair dan zaman
- (c) tema: unsur kerelevanan, makna harafiah dan tersirat
- (d) pengaruh sastera lama
- (e) bentuk: dalaman, luaran, penggunaan unsur-unsur bunyi, eksperimen
- (f) teknik-teknik bahasa (diksi):
  - imej
  - metafora
  - pengulangan bunyi, kata, dan baris
  - jenis-jenis kiasan
- (g) nada, rentak, dan irama
- (h) perbandingan dengan puisi lain yang pernah dibaca
- (i) penilaian terhadap kritikan yang ada, dan pernyataan pendapat dan pandangan sendiri
- (j) latihan menulis sajak oleh pelajar

Calon dikehendaki mengkaji ketiga-tiga teks ini:

- (a) Usman Awang, (1987). *Puisi-puisi Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

40 sajak yang dipilih ialah:

Muka surat

*Selembar Kamus Kemiskinan*

4

*Membunu Mimpi*

5

|  |    |
|--|----|
| <i>Ibuku</i>   | 6  |
| <i>Ucapan</i>  | 8  |
| <i>Boestamam</i>   | 13 |
| <i>Berkayuh Rindu di Selat Teberau</i>                             | 16 |
| <i>Jentayu</i>   | 26 |
| <i>Belada Terbunuinya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya</i> | 31 |
| <i>Bagaimana Kalau . . .</i>                                       | 32 |
| <i>Benarkah Ketam Mengajar Anaknya Berjalan Betul?</i>             | 34 |
| <i>Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar</i>            | 36 |
| <i>Pantun Moden</i>  | 38 |
| <i>Warganegara Dunia</i>   | 43 |
| <i>Gadis Kecil</i>   | 45 |
| <i>Pak Utih (2)</i>  | 47 |
| <i>Arca dan Puisi</i>  | 51 |
| <i>Sajak 'Ejaan Baru'</i>  | 57 |
| <i>Suara Blues</i>   | 59 |
| <i>Mah Meri Budi dan Seni yang Tersembunyi</i>                     | 61 |
| <i>Kekasih</i>   | 66 |
| <i>Salji Hitam</i>   | 68 |
| <i>Salam Benua</i>   | 70 |
| <i>Suara dari Pusara</i>   | 78 |
| <i>Kurang Ajar</i>   | 85 |
| <i>Cahaya</i>  | 99 |

|                                    |     |
|------------------------------------|-----|
| <i>Suasana</i>                     | 103 |
| <i>Pantun</i>                      | 107 |
| <i>Tulang-tulang Berserakan</i>    | 119 |
| <i>Duri dan Api</i>                | 127 |
| <i>Pemuda dan Gadis Tionghua</i>   | 129 |
| <i>Konggo</i>                      | 132 |
| <i>Perempuan Malang</i>            | 148 |
| <i>Zaman Ini</i>                   | 150 |
| <i>Penjual Pisang di Kaki Lima</i> | 154 |
| <i>Ke Makam Bunda</i>              | 159 |
| <i>Kita dan Sejarah</i>            | 160 |
| <i>Bunga Popi</i>                  | 164 |
| <i>Pak Utih</i>                    | 172 |
| <i>Gadis di Kuburan</i>            | 178 |
| <i>Jiwa Hamba</i>                  | 191 |

- (b) Baha Zain, (1980). *Tiga Catatan Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (c) Amir Hamzah, (1991). *Nyanyi Sunyi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Kertas 5 – Prosa Baru**

Kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) latar belakang pengarang dan zaman
- (b) tema: unsur kerelevanan, makna harfiah dan tersirat

- (c) watak: utama dan sampingan
- (d) sudut pandangan pengarang
- (e) teknik naratif:
  - plot, suspens, *denouement* (peleraian)
  - imbas depan
  - imbas kembali
  - dialog
  - pemerian
  - lambang
  - kiasan
  - ironi
  - paradoks
  - motif
  - lietmotif
- (f) perbandingan dengan hasil-hasil prosa yang pernah dibaca
- (g) penilaian terhadap kritikan yang ada dan penyataan pendapat dan pandangan sendiri

Buku-buku teks yang ditetapkan adalah seperti berikut:

#### **Novel**

- (a) Abdul Muis, (1991). *Salah Asuhan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (b) A. Samad Said, (1985). *Daerah Zeni*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- (c) Keris Mas, (1986). *Rimba Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Cerpen

- (a) Keris Mas, (1977). *Patah Tumbuh*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- (b) Shahnon Ahmad, (1991). *Debu Merah*. (Edisi Pelajar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Kertas 6 – Drama

Kajian hendaklah dibuat antara lain dari segi:

- (a) latar belakang pengarang dan zaman
- (b) bentuk dan penjenisan drama
- (c) tema: unsur kerelevanan, makna harfiah dan tersirat
- (d) watak dan perwatakan: nilai, konflik nilai, sifat-sifat watak dan konflik antara watak
- (e) teknik drama:
  - plot
  - suspens
  - *denouement*
  - aksi
  - pembahagian adegan/babak
  - imbas depan
  - imbas kembali
  - dialog
  - monolog
  - ironi

- paradoks
  - motif
  - lietmotif
- (f) bahasa: gaya mengikut watak lambang (simbol), metafora dan sebagainya
- (g) kesan terhadap khalayak
- (h) daya bayangan pelajar melalui imaginasi untuk menghidupkan teks

*Nota:* Pelajar digalakkan untuk mementaskan drama dan memikirkan masalah-masalah yang terlibat dalam pementasan drama.

Calon dikehendaki mengkaji ketiga-tiga teks ini:

- (a) Syed Alwi, (1977). *Tok Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (b) Noordin Hassan, (1989). *Anak Tanjung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (c) Kala Dewata, (1971). *Atap Genting Atap Rumbia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Bentuk Peperiksaan**

Calon dikehendaki mengambil tiga kertas bagi mata pelajaran ini. Kertas 1 adalah wajib bagi semua calon. Dua kertas lagi hendaklah dipilih daripada Kertas 2, 3, 4, 5, dan 6. Walau bagaimanapun, calon hanya boleh memilih satu sahaja daripada Kertas 2 dan 3.

**Kertas 1 – Karya Agung (2 1/2 jam)**

Kertas ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B, dan C. Tiap-tiap bahagian mengandungi dua soalan.

Bahagian A – *Sejarah Melayu*

Bahagian B – *Hikayat Hang Tuah*

Bahagian C – Perbandingan Teks

Calon dikehendaki menjawab tiga soalan, satu soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B, dan satu soalan lagi daripada Bahagian C.

**Kertas 2 – Sastera Lama I (3 jam)**

Kertas ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B, dan C. Tiap-tiap bahagian mengandungi dua soalan sekurang-kurangnya.

Bahagian A – *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*

Bahagian B – *Hikayat Panji Semerang*

Bahagian C – (i) *Kumpulan Pantun Melayu*

(ii) *Puisi Melayu Tradisi*

Calon dikehendaki menjawab empat soalan, satu soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B, satu soalan daripada Bahagian C, dan satu soalan lagi daripada mana-mana bahagian.

**Kertas 3 – Sastera Lama II (3 jam)**

Kertas ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B, dan C. Tiap-tiap bahagian mengandungi dua soalan sekurang-kurangnya.

Bahagian A – *Hikayat Merong Mahawangsa*

Bahagian B – *Tajus-Salatin*

Bahagian C – *Syair Siti Zubaidah Perang China*

Calon dikehendaki menjawab empat soalan, satu soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B, satu soalan daripada Bahagian C, dan satu soalan lagi daripada mana-mana bahagian.

**Kertas 4 – Puisi Baru (3 jam)**

Kertas ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian A, B, dan C. Tiap-tiap bahagian mengandungi dua soalan sekurang-kurangnya.

Bahagian A – Usman Awang, *Puisi-puisi Pilihan*. (40 sajak pilihan)

Bahagian B – Baha Zain, *Tiga Catatan Perjalanan*. (Tidak termasuk lima sajak dari halaman 60 hingga 65).

Bahagian C – Amir Hamzah, *Nyanyi Sunyi*

Calon dikehendaki menjawab empat soalan, satu soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B, satu soalan daripada Bahagian C, dan satu soalan lagi daripada mana-mana bahagian.

### Kertas 5 – Prosa Baru (3 jam)

Kertas ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A (novel) dan Bahagian B (cerpen). Bahagian A mengandungi enam soalan dan Bahagian B mengandungi empat soalan. Teks yang ditetapkan adalah seperti berikut:

#### Bahagian A – Novel

- (a) Abdul Muis, *Salah Asuhan*
- (b) A. Samad Said, *Daerah Zeni*
- (c) Keris Mas, *Rimba Harapan*

#### Bahagian B – Cerpen

- (a) Keris Mas, *Patah Tumbuh*
- (b) Shahnon Ahmad, *Debu Merah*.(Edisi Pelajar).

Calon dikehendaki menjawab empat soalan, dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan Bahagian B. Setiap soalan yang dijawab mestilah terdiri daripada teks yang berlainan.

### Kertas 6 – Drama (3 jam)

Teks yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Syed Alwi, *Tok Perak*
- (b) Noordin Hassan, *Anak Tanjung*
- (d) Kala Dewata, *Atap Genting Atap Rumbia*

Calon dikehendaki menjawab empat soalan, satu soalan sekurang-kurangnya daripada setiap teks.

Matlamat, objektif, format kertas, buku-buku kajian, kandungan, bentuk peperiksaan yang disuratkan dalam bab ini termuat dengan terperincinya dalam sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia(MPM) terbitan tahun 1991.

### **Penyataan Masalah**

Lazim kita dengar sama ada di sekolah mahu pun di universiti, mata pelajaran pendidikan aliran Sastera diambil sebagai pilihan terakhir. Sering pelajar yang cemerlang di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia(SPM) di arah atau dinasihat untuk mengambil mata pelajaran aliran Sains. Pelajar juga dapat menilai masa hadapan mereka lalu mengambil mata pelajaran yang akan memberi pelbagai alternatif yang mudah untuk kerjaya mereka seperti kemahiran Teknikal, Ekonomi, dan Sains. Aliran pendidikan Sastera hanya menjadi bahan longgokan kepada pelajar-pelajar yang pencapaian akademiknya rendah. Malah, ada daripada aliran Sains sewaktu di tingkatan 5 tetapi tidak dapat terus ke aliran tersebut lalu melencong ke aliran Sastera. Ada juga dek kerana gagal ke institusi-institusi pengajian tinggi yang lain maka ke tingkatan 6 adalah memadai walaupun dalam jurusan Sastera. Bagi mereka untuk mengubah sesuatu daripada aliran Sains ke Sastera tidaklah sukar sangat tetapi kelompok inilah akhirnya membawa implikasi semangat rendah untuk belajar, tidak pasti tujuan mengambil mata pelajaran ini, tidak mahu memikirkan soal-soal esok dan masa hadapan mereka. Mereka inilah duduk di tingkatan 6 setakat melanjutkan adat kebiasaan semua rakan-rakan sebaya mereka berada di sekolah atau pendidikan bagi ibu bapa mereka adalah tinggalan berharga kepada anak-anak. Mereka ini jugalah menjadi kelompok yang akhirnya kecundang ke universiti kerana minat tiada, buta sastera, dan hanya pra-syarat untuk ke sekolah.

Untuk itu, harus dimengertikan bahawa Kesusasteraan Melayu tidak lahir secara paksa, ia tidak lahir untuk meminta bukti fakta dan empiris mahu pun logika Sains tetapi ia lahir dengan kreatif dan kritis. Ia menyentuh domain afektif, lewat rasa, kerohanian, dan kemoralan yang penuh tersirat. Apa juga manfaat dan kekurangan yang dikemukakan terhadap Kesusasteraan Melayu, namun dari segi mengukurnya menurut bekas Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang juga bekas Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia, Prof. Dato' Dr. Mohd Sham Mohd Sani, dipetik daripada akhbar *Utusan Malaysia* (Julai, 1996), beliau menyatakan kayu ukur antara peperiksaan di sekolah dengan peperiksaan awam agak berbeza, lantas laporan pencapaian prestasi calon juga tidaklah setepat yang diharapkan. Namun demikian, laporan yang dibuat di peringkat sekolah adalah amat sesuai sebagai langkah pemulihan di sekolah itu sendiri kerana fizikal sesuatu sekolah itu adalah berbeza-beza dengan sekolah yang lain.

Tetapi mampukah hanya daripada laporan tersebut pelajar-pelajar Kesusasteraan Melayu berjaya menggilap dirinya agar dapat memberi obor cahaya kepada generasi seterusnya? Mampukah ia bersaing dalam dunia koporat dan teknokrat hari ini? Bolehkah ia berfungsi lebih pragmatik daripada hanya memikirkan soal-soal tersiratnya? Apakah jawapan dan rumusannya. Sedarkanlah diri kita bahawa Kesusasteraan Melayu lahir dengan bermatlamatkan jangka panjang kerana kerohanian dan akhlak tidak tercipta sekelip mata tetapi makan bertahun-tahun. Ia bercorak ‘membudaya dan memasyarakatkan’ manusia. Di mana seninya dan di mana menariknya Kesusasteraan Melayu ini? Apakah pelajar yang mengambil Kesusasteraan Melayu ini jika berjaya akademiknya bererti berjaya matlamat Kesusasteraan Melayu itu? Betulkah domain

afektif mereka lebih tinggi daripada domain kognitif dan psikomotor mereka dengan mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini? Bagaimana respon mereka dalam soalan-soalan peperiksaan Kesusasteraan Melayu dan apakah kecenderungan skor dan prestasi yang mereka capai sedang selama ini di luar sana orang sering memomok-momokkan sastera.

Maka itu, kajian ini dibuat adalah berhubung dengan penilaian mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia(STPM) 1992-1997. Untuk itu, laporan peperiksaan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) dari tahun 1992 hingga 1997 dinilai dengan meneliti maklum balas pemeriksaan, laporan prestasi calon, dan analisis keputusan peperiksannya. Tempoh waktu yang sedemikian dipilih kerana ianya merupakan titik tolak perubahan sukatan lama iaitu sejak tahun 1991 Kesusasteraan Melayu hanya menjadi sebahagian daripada Bahasa Melayu iaitu dimuatkan dalam Kertas 2: Bahasa Melayu. Namun demikian, bermula pada tahun 1992 ia telah diasingkan menjadi dua mata pelajaran berbeza yang bertaraf Prinsipal iaitu mata pelajaran Bahasa Melayu dan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.(Mohd Fauzi bin Mohd Kassim, 1996) Manakala pemilihan tempoh sehingga tahun 1997 adalah tempoh terakhir sukatan yang sedia ada ini kerana pada tahun 1998 telah pun dilancarkan satu lagi sukatan Kesusasteraan Melayu yang baru.

Kajian ini juga akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan calon-calon Kesusasteraan Melayu STPM di samping membuat rumusan serta cadangan dalam memperbaiki kelemahan yang sedia ada atau yang sentiasa berulang oleh calon-calon

Kesusasteraan Melayu STPM. Pencapaian prestasi calon ini dinilai daripada respon calon terhadap soalan, pemilihan soalan, laporan pemeriksa, teknik menjawab soalan, jawapan yang diberi oleh calon dengan skema pemarkahan yang telah diperuntukkan, dan cara penghujahan yang dikemukakan.

Kajian juga akan mengenal pasti mengapa respon calon sedemikian. Ini dapat didasarkan daripada analisis keputusan peperiksaan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM dalam bentuk gred mata pelajaran dan juga dalam bentuk gred bagi setiap kertas. Di samping itu akan dapat dikenal pasti aspek penilaian sama ada mencapai domain-domain yang dikehendaki (kognitif, afektif, dan psikomotor) serta matlamat dan objektif sukatannya.

Apa yang jelas, pengkaji mendapati semua bentuk analisis dan laporan pencapaian prestasi calon yang dikemukakan baik di peringkat sekolah mahupun yang dilakukan oleh badan-badan peperiksaan adalah menjurus ke satu matlamat iaitu sebagai pemberi pulih untuk proses pengajaran dan pembelajaran serta panduan memperbaiki sebarang kelemahan sama ada pada sukanan, soalan, dan juga pemeriksaan skrip-skrip jawapan calon. Ini bersesuaian dengan *Laporan Peperiksaan STPM 1994* yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia, bahawa semua respon calon yang dikategorikan kekuatan dan kelebihannya telah membolehkan beberapa syor pemberi pulih dikemukakan dengan tujuan guru dan calon dapat memandang serius akan cadangan yang dikemukakan supaya pencapaian prestasi calon di tahun-tahun akan datang bertambah baik.

Jadi, berdasarkan daripada pernyataan yang dikemukakan pengkaji bercadang untuk menjalankan satu penilaian dan penelitian yang menyeluruh tentang mata pelajaran Kesusasteraan Melayu(922) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia(STPM) dari tahun 1992 hingga tahun 1997 yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia(MPM) dan masa hadapan mata pelajaran pendidikan aliran Sastera itu sendiri.

### **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini akan menumpukan kepada perkara-perkara berikut.

- (a) Untuk mengetahui pencapaian prestasi calon Kesusasteraan Melayu STPM dari tahun peperiksaan 1992 hingga 1997.
- (b) Untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan pencapaian prestasi calon mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM.
- (c) Untuk mengetahui sebab-sebab respon calon mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM sedemikian.
- (d) Untuk mengetahui bentuk soalan-soalan yang popular, kurang popular, dan tidak popular di kalangan calon Kesusasteraan Melayu STPM.
- (e) Untuk membuat rumusan dan penilaian terhadap pencapaian prestasi calon Kesusasteraan Melayu STPM.
- (f) Untuk memberikan syor dan pandangan sebagai pemberi pulih di masa-masa akan datang bagi guru dan calon-calon Kesusasteraan Melayu STPM.
- (g) Untuk menilai kemampuan calon-calon Kesusasteraan Melayu STPM dalam domain kognitif, afektif, dan psikomotor.

- (h) Untuk mengetahui mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan mata pelajaran aliran Sastera dari segi akademik, kerjaya futuristik, dan aspek komersial.

### **Soalan Kajian**

Persoalan kajian akan menumpukan kepada perkara-perkara berikut.

- (a) Bagaimakah respon calon terhadap soalan-soalan Kesusasteraan Melayu STPM dari segi kekuatan dan kelemahannya?
- (b) Apakah pandangan pemeriksa-pemeriksa terhadap respon calon yang berbagai-bagai ragam sewaktu memeriksa kertas-kertas jawapan calon?
- (c) Sejauh manakah pelaksanaan domain kognitif, afektif, dan psikomotor ini berjaya diterapkan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM?
- (d) Adakah mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM ini mencapai matlamat dan objektif sukatannya?
- (e) Bagaimakah mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM ini dan mata pelajaran aliran Sastera dari segi akademik, kerjaya futuristik, dan aspek komersialnya?

### **Rasional Kajian**

Dalam menilai mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM ini, kita akan membuat analisis data dan rumusan tentang pencapaian calon-calon dari tahun 1992 hingga 1997 berdasarkan keputusan peperiksaan STPM. Di sini kita akan melihat kemampuan sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM apabila ia dipisahkan daripada Bahasa

Melayu pada tahun 1991 dan ditawarkan dalam mata pelajaran berasingan iaitu mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang bertaraf Prinsipal.

Secara tak langsung segala maklumat berkenaan dengan pencapaian prestasi calon Kesusasteraan Melayu STPM adalah berdasarkan laporan pemeriksa yang dikumpul dan dianalisis sebagai perbandingan. Di samping itu dapat juga dibuat satu rumusan sama ada sukatannya perlu diperbaiki atau diubah suai. Bahkan beberapa syor dapat dikemukakan sebagai langkah pembaik pulih untuk panduan kepada guru dan juga calon-calon Kesusasteraan Melayu STPM sendiri. Dari sini juga, kita akan dapat meninjau sejauh mana keberkesanan domain kognitif, afektif, dan psikomotor dapat diterapkan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM ini dan kedudukannya apabila menempuh alam kerja.

### **Kepentingan Kajian**

Hasil penemuan daripada kajian ini diharap akan dapat

- (a) Memberikan gambaran umum sistem pengujian yang dijalankan ke atas calon-calon Kesusasteraan Melayu STPM.
- (b) Memaparkan kekuatan dan kelemahan pencapaian prestasi calon Kesusasteraan Melayu STPM.
- (c) Memaparkan kenapa respon calon Kesusasteraan Melayu STPM sedemikian.
- (d) Mengumpul maklumat pembaik pulih di masa-masa akan datang untuk panduan guru dan calon-calon Kesusasteraan Melayu STPM sendiri.

- (e) Menjadikan ia antara salah satu kayu pengukur sama ada untuk menggubal semula atau menilai semula sukanan pelajaran, soalan, skema pemarkahan, aspek penilaian, aspek pengajaran dan pembelajaran, dan kemampuannya menerap domain kognitif, afektif, dan psikomotor serta realiti mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan mata pelajaran aliran Sastera ini di alam kerjaya.

### **Skop Dan Batasan Kajian**

Skop kajian ialah untuk menilai mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM. Tumpuan kajian ialah daripada analisis keputusan peperiksaan dan laporan pemeriksa dari tahun 1992 hingga tahun 1997. Data-data keputusan peperiksaan dan laporan peperiksaan didasarkan daripada sumber Majlis Peperiksaan Malaysia. Di samping itu dikemukakan soal selidik untuk sekolah-sekolah pilihan bagi zon utara, tengah, timur, dan selatan dalam melihat dan menilai pencapaian prestasi calon dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM di peringkat sekolah serta dapatan daripada temu bual dan pandangan pakar-pakar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Kajian ini mempunyai batasan kerana sukanan tersebut hanya sah terpakai dari tahun peperiksaan 1992 hingga tahun 1997 sahaja. Walaupun rumusan dapat dibuat berdasarkan kekuatan dan kelemahan respon calon namun jangkaan waktu masih terbatas dari satu tahun ke tahun yang lain. Di samping itu analisis soalan juga dihadkan kepada bentuk peratus dan perbandingan antara kertas sahaja. Hasil penemuan kajian ini walaupun didasarkan secara menyeluruh tetapi penggunaan untuk menjangka dan

langkah awalan dalam sebarang persediaan pengajaran dan pembelajaran mahupun persediaan peperiksaan sangat besar manfaatnya.

### **Andaian Kajian**

Andaian kajian ini adalah seperti berikut.

- (a) Kajian ditumpukan kepada rumusan data keputusan peperiksaan dan laporan peperiksaan yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Dari sini, ia dapat menunjukkan pencapaian prestasi calon Kesusasteraan Melayu STPM itu secara menyeluruh.
- (b) Kajian juga melibatkan temu bual dan soal selidik di sekolah, dan temu bual dengan pakar-pakar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (pensyarah-pensyarah tempatan) guru, dan calon mengikut empat zon (utara, tengah, timur, dan selatan) dalam mengukuhkan lagi maklumat kekuatan dan kelemahan respon calon.
- (c) Kajian di peringkat sekolah yang mengikut empat zon dapat menilai semula keberkesanan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu STPM dari segi penerapan domain kognitif, afektif, dan psikomotor.

### **Takrif Istilah**

Istilah-istilah berikut digunakan dalam kajian ini dan ditakrifkan seperti berikut.

- (a) **Pencapaian prestasi:** Tahap kemampuan dan keberkesanan yang diperolehi dari segi gred bagi setiap kertas dan juga mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mengikut tahun-tahun tertentu.

- (b) **Kekuatan calon:** Kecemerlangan dan kemampuan calon dalam menjawab dan menjana jawapan mereka daripada soalan-soalan yang dikemukakan iaitu dari segi keberkesanan menjawab, kaedah menjawab, fakta, huraihan, contoh, dan cara-cara penghujahan.
- (c) **Kelemahan calon:** Kekurangan dan kecuiaan calon dalam menjawab dan mengupas kesesuaian soalan dengan jawapan yang diberi tidak memuaskan atau selari sama ada didasarkan kepada teknik, fakta, huraihan, contoh, mahu pun penghujahannya.
- (d) **Calon:** Pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dari tahun 1992-1997.